

Bil. S 43

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 127.
 3. Pemasukan bab 4A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lesen-Lesen Rampaian (Pindaan), 2008.

Pindaan bab 2 dari Penggal 127.

2. Bab 2 dari Akta Lesen-Lesen Rampaian, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong "Adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan peraturan-peraturan" dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan "Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh dengan peraturan-peraturan";

(b) dalam cerai (2), dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan,".

Pemasukan bab 4A baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 4 —

"Perwakilan.

4A. (1) Pihak berkuasa melesen boleh mewakilkan kepada mana-mana pegawai kerajaan perjalanan sebarang kuasa atau perlaksanaan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Akta ini, kecuali bagi kuasa perwakilan yang diberikan oleh bab ini.

(2) Suatu perwakilan di bawah cerai (1) boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa melesen dalam suratcara perwakilan.

(3) Pihak berkuasa melesen boleh terus menjalankan sebarang kuasa dan melaksanakan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Akta ini walaupun kuasa atau kewajipan itu diwakilkan olehnya."

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 5 haribulan April, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM